

MAKLUMAN OPERASI SYARIKAT BERKENAAN PENINGKATAN KES COVID-19

Para Pelabur & Konsultan sekalian,

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Susulan peningkatan bilangan kes Covid-19 secara mendadak semenjak Khamis lalu (1 Oktober 2020), adalah dimaklumkan bahawa operasi di Ibu pejabat 1 Sentral akan beroperasi seperti biasa dengan kaedah menghadkan bilangan kakitangan secara minima.

Tuan/Puan para Pelabur & Konsultan dengan ini diminta menggunakan kaedah komunikasi melalui telefon di talian 03-27859900 (Investor Careline) atau melalui email investorrelation@pelaburanmara.com.my dengan sepenuhnya sepanjang tempoh ini.

Sebagai langkah mengekang penularan Covid-19, MARA telah mengarahkan supaya interaksi bersemuka antara individu dikurangkan. Segala urusan penyerahan borang (sekiranya ada) adalah disyorkan supaya menggunakan khidmat kurier/ 'drop box' tingkat bawah bangunan 1 Sentral, Kuala Lumpur Sentral berikut:

Level G (Ground Floor), 1 Sentral,
Jalan Rakyat, Kuala Lumpur Sentral,
50470 Kuala Lumpur

Berkuatkuasa pada 12 Oktober 2020 semua Pelabur & Konsultan tidak dibenarkan untuk naik ke tingkat 21 untuk semua urusan.

Semoga usaha kita dalam waktu yang mencabar ini dapat membawa kebaikan kepada semua.

Sekian, harap maklum dan terima kasih atas kerjasama yang diberikan.

Tarikh: 09 Oktober 2020